

28/01/2004

Rakyat usah lupa jasa wira tidak didendang

Wan Hazmir Bakar

KUALA LUMPUR: Malaysia tidak seharusnya melupakan wira tidak didendang negara, iaitu lelaki dan wanita yang menyabung nyawa bagi memastikan negara aman dan makmur seperti sekarang, kata Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Perdana Menteri berkata, ribuan pejuang terbabit terkorban dan keluarga mereka dibunuh dengan kejam ketika mempertahankan negara ini daripada musuh.

Beliau juga mengingatkan rakyat, terutamanya golongan muda, supaya menghayati sejarah negara.

Mengimbau zaman huru hara sebelum merdeka dan bagaimana pasukan keselamatan termasuk tentera, polis, konstabel khas (SC) dan Pasukan Kawalan Kampung (Home Guard) terkorban bagi mempertahankan keamanan dan kedaulatan negara, Abdullah berkata:

"Pengorbanan mereka ini tidak dapat dinilai dengan wang ringgit... peristiwa seperti Balai Bukit Kepong diserang dan bagaimana anggota polis serta keluarga mereka dibunuh dengan kejam... merekalah wira tidak didendang."

Kenyataan Perdana Menteri itu dibuat ketika pasukan polis menjadi tumpuan berikutan pembabitannya dalam jenayah termasuk rogol dan rompakan.

Walaupun bilangan 'kambing hitam' kecil berbanding jumlah keseluruhan 85,000 anggota, bentuk jenayah yang dilakukan menyebabkan pasukan polis keseluruhannya dikritik.

Abdullah berucap pada majlis pelancaran buku Wira Tak Didendang tulisan Timbalan Menteri Penerangan, Datuk Zainuddin Maidin.

Buku itu mengkisahkan sejarah bagaimana polis, terutama Cawangan Khas, memerangi Parti Komunis Malaya (PKM) dan merencanakan penyerahan diri pada 1989.

Keganasan komunis sejak 1948 sehingga penyerahan diri mereka menyebabkan ribuan rakyat, sebahagian besar anggota tentera dan polis, terkorban.

Majlis pelancaran buku itu berlangsung dalam suasana hiba dan penuh emosi dengan ramai hadirin yang menitikkan air mata ketika pertunjukan gambar yang disulami nyanyian lagu patriotik pada zaman itu memaparkan perjuangan bagi kemerdekaan negara, termasuk ketika keganasan komunis, konfrontasi dengan Indonesia dan penyerahan diri komunis.

Zainuddin memberi penghormatan kepada tiga tokoh kerana penyerahan diri komunis, iaitu bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad, bekas Ketua Polis Negara, Tan Sri Rahim Noor dan bekas Timbalan Pengarah Cawangan Khas, Datuk Yaw Kong Yew.

Tiga tokoh berkenaan hadir bersama ramai lagi pegawai kanan yang masih berkhidmat dan sudah pesara, menteri, timbalan menteri, dan pegawai kerajaan.

Abdullah berkata, mereka yang menerajui rakyat Malaya dan seterusnya Malaysia berjuang dan mengorbankan diri bagi menjadikan negara makmur, selamat dan makmur.

"Kita tidak pernah lupa mereka. Tetapi pada masa yang sama, adakah kita kenal siapa di belakang pemimpin negara sebelum ini? Siapakah antara mereka yang berada di barisan hadapan untuk bersabung nyawa mempertahankan kedaulatan negara?"

"Sebenarnya ramai lagi yang sudah banyak berkorban untuk negara. Baik mereka berdiri secara perseorangan atau berkumpulan. Ramai di antara

mereka ini telah banyak memberi sumbangan," katanya.

Abdullah berkata, rakyat Malaysia tidak seharusnya melupakan mereka yang menyabung nyawa untuk negara.

"Jangan sesekali kita alpa dengan kesenangan yang dimiliki negara hari ini. Tanpa susah payah dan pengorbanan pejuang dulu, generasi masa kini tidak mungkin merasai kemakmuran dan keamanan negara.

"Hanya dengan penghayatan terhadap sejarah sebenar dapat membentuk keperibadian yang mulia. Hanya dengan mengenali nilai murni dan pengorbanan pejuang negara terdahulu, kita mampu meneguhkan lagi kedaulatan negara," katanya.

Buku kelima tulisan Zainuddin itu diterbitkan Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.